Oleh Zulkifli Salleh

Belanjawan 2017 Menghindari Genangan Sekular?



Foto MalaysiaGazette

ISTILAH "genangan sekular" diperkenalkan oleh Alvin Hansen, ahli ekonomi Keynesian di Amerika Syarikat, pada tahun 1938, untuk menjelaskan situasi prestasi rendah berkekalan oleh ekonomi anemia. Berdekad-dekad kemudian, ketika berucap di Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada November 2013, mantan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Lawrence Summers, menyatakan set idea lama yang disebut dalam ungkapan genangan sekular bukan sangat penting bagi memahami pengalaman Jepun, dan mungkin tidak relevan dengan pengalaman Amerika.

Seterusnya Summers menjelaskan sebab beliau terdorong untuk memikirkan istilah itu. "Jika anda balik dan anda kaji ekonomi sebelum krisis, wujud sesuatu yang agak ganjil. Banyak orang percaya bahawa dasar monetari terlalu mudah. Setiap orang setuju bahawa wujud amaun besar pemberian pinjaman yang kurang bijak yang diamalkan. Hampir setiap orang percaya bahawa kekayaan, seperti yang dialami oleh isi rumah adalah dalam lebihan realitinya. Wang terlalu mudah, pinjaman terlalu banyak, kekayaan terlalu banyak."

Pada ketika itu, menurut beliau, penggunaan kapasiti tidak di bawah mana-mana tekanan besar. Pengangguran tidak di bawah tahap rendah yang ketara. Inflasi pada keseluruhannya tenang. Walau bagaimanapun, beliau melahirkan keraguan bagaimana gelembung besar tidak cukup untuk menghasilkan mana-mana lebihan dalam permintaan agregat.

Dalam *Foreign Affairs* keluaran Mac/April, Summers muncul dengan *"The Age of Secular Stagnation: What It Is and What to Do About It,"* yang mencuba untuk meneroka bagaimana dasar fiskal pengembangan oleh kerajaan Amerika Syarikat dapat membantu mengatasi masalah genangan sekular dan memastikan pertumbuhan berlaku semula. Dalam makalah itu, beliau merujuk istilah yang diperkenalkan oleh Hansen itu untuk memahami masalah ekonomi semasa.

Hujah Summers, ekonomi dunia perindustrian, menurut pandangan ini, sengsara daripada ketidakseimbangan yang diakibatkan daripada peningkatan kecenderungan untuk menyimpan dan kemerosotan kecenderungan untuk melabur. Akibatnya, simpanan berlebihan bertindak menyeret terhadap permintaan, mengurangkan pertumbuhan dan inflasi, dan ketidakseimbangan antara simpanan dengan pelaburan yang menarik turun kadar faedah sebenar. Apabila pertumbuhan yang signifikan dicapai, seperti di Amerika Syarikat antara tahun 2003 hingga tahun 2007, pertumbuhan itu datangnya daripada tahap bahaya peminjaman yang mentafsirkan simpanan berlebihan ke dalam tahap tidak mampan, seperti berlakunya gelembung perumahan.

Walau bagaimanapun, *"Notes from The Editors"* dalam *Monthly Review* keluaran April 2016, menegaskan debat arus perdana semasa tentang genangan sekular adalah terlalu superfisial dan berhati-hati yang tidak dapat membantu, tetapi berasa hairan, sama ada protagonis utama, iaitu tokoh seperti Summers, Robert Gordon, Paul Krugman, dan Tyler Cowen – adalah dengan tidak sengaja berjengket-jengket di keliling perkara ini, bimbang bahawa jika mereka terlalu rapat atau membuat terlalu banyak bising, mereka mungkin membangkitkan sesetengah gergasi yang sedang tidur (kelas pekerja?), seperti pada hari Kemelesetan Besar dan *New Deal*.

Menurut nota itu lagi, Summers dan penyumbang arus perdana lain bagi debat ini mendakwa untuk bermain peranan inovatif bagi mengajukan persoalan genangan sekular, perbincangan tentang perkara ini, menurut pandangan mereka, secara praktik tidak wujud sejak dekad 1940-an. Namun begitu, kebenarannya seperti mereka tanpa ragu-ragu sedar – genangan sejak lama dianggap sebagai isu utama puak kiri. Terdapat kira-kira 500 makalah yang mengajukan persoalan genangan dalam arkib *Monthly Review* sahaja.

Banyak daripada makalah ini ditulis oleh ahli ekonomi radikal utama pada abad ke-20 – termasuk Joan Robinson, Michał Kalecki, Josef Steindl, Paul Baran, Paul Sweezy, dan Harry Magdoff. Buku tentang kecenderungan diterbitkan oleh Monthly Review Press, termasuk karya klasik, *The Theory of Capitalist Development* oleh Sweezy, *Theory of Economic Dynamics* oleh Kalecki, *Maturity and Stagnation in American Capitalism* oleh Steindl, *The Political Economy of Growth* oleh Baran, *Monopoly Capital* oleh Baran dan Sweezy, dan *Stagnation and the Financial Explosion* oleh Magdoff dan Sweezy – bersama-sama dengan yang lebih terbaharu, *The Endless Crisis* oleh John Bellamy Foster dan Robert W. McChesney.

Kebanyakan penganalisis genangan ekonomi, sama ada kiri ataupun kanan, hujah nota itu, mengiktiraf bahawa genangan jelas menunjukkan dengan sendirinya peningkatan pengangguran atau guna tenaga tidak penuh, pertumbuhan pekerjaan yang tidak tentu, dan apakah yang dirujuk sebagai "pengangguran bayangan," misalnya kejatuhan pekerja dalam jumlah yang besar daripada tenaga buruh. Fenomena tersebut tidak terbatas pada negara miskin, tetapi bukti yang semakin meningkat di Amerika Syarikat dan di banyak dunia kapitalis maju.

Debat tentang genangan sekular berterusan apabila Immanuel Wallerstein muncul melalui laman webnya pada 15 September tahun ini dengan "Secular Stagnation, or is it Worse?" Hujah Wallerstein, ahli ekonomi dunia bergusti dengan sesuatu yang didapati mereka sukar untuk dijelaskan. Mengapa harga pasaran saham terus-menerus meningkat, meskipun hakikat bahawa sesuatu yang disebut pertumbuhan kelihatan tergenang? Dalam teori ekonomi arus perdana, hal ini tidak sepatutnya berlaku begitu. Jika tidak wujud pertumbuhan, harga pasaran sepatutnya merosot dan dengan itu, merangsang pertumbuhan, dan apabila pertumbuhan pulih, harga pasaran meningkat semula.

Menurut Wallerstein, wujud ahli ekonomi yang cuba menyemak semula penteorian dengan mengambil kira apa-apa yang banyak disebut orang kini "genangan sekular". Pengkritiknya termasuk pelbagai tokoh terkenal, sesetengahnya penerima Hadiah Nobel. Mereka termasuklah pemikir yang berbeza, seperti Amartya Sen, Joseph Stiglitz, Paul Krugman dan Stephen Roach.

Meskipun setiap individu ini mempunyai garis hujah yang berbeza, mereka berkongsi beberapa kepercayaan. Mereka semua percaya bahawa apa-apa yang dilakukan oleh negara mempunyai impak yang besar terhadap apa-apa yang berlaku. Mereka semua percaya bahawa situasi kini tidak sihat untuk ekonomi secara keseluruhan dan menyumbang kepada peningkatan signifikan dalam polarisasi pendapatan sebenar. Mereka semua percaya bahawa mereka sepatutnya menggerakkan pendapat awam untuk memberikan tekanan terhadap pihak berkuasa kerajaan supaya bertindak dengan cara spesifik. Dan mereka percaya bahawa, bahkan jika situasi kini yang tidak sihat dan janggal mungkin akan berakhir beberapa waktu lagi, wujud dasar negara yang sesuai yang akan memungkinkan kurangnya ekonomi yang dipolarisasikan dan tidak sihat.

Banyak orang percaya bahawa dasar monetari terlalu mudah. Setiap orang setuju bahawa wujud amaun besar pemberian pinjaman yang kurang bijak yang diamalkan.

Walau bagaimanapun, Wallerstein berpendapat bahawa tidak ada satu pun kritikan itu yang bersedia untuk pergi lebih jauh dan menerima hujah bahawa sistem kapitalis seperti biasa telah memasuki fasa kemerosotan yang tidak dapat dielakkan. Hal ini bermakna bahawa tidak wujud mana-mana dasar kerajaan yang akan memulihkan kapitalisme berfungsi sebagai sistem berdaya maju. Tidak berapa lama dahulu, genangan sekular ialah istilah yang digunakan oleh banyak penganalisis, terutamanya untuk menjelaskan keadaan ekonomi Jepun bermula pada dekad 1990-an.

Namun demikian, penggunaan konsep ini diterapkan kepada kawasan yang berbeza – anggota

Economic - Budget

ctr-no = 0000275219 ECO 2016/A01

Ekonomi Dalam Negeri



Dengan kadar pertumbuhan diunjurkan antara empat peratus hingga lima peratus pada tahun 2017, Malaysia dikatakan dapat mengelak daripada terjebak dalam genangan sekular.

zon Euro, seperti Greece, Itali dan Ireland; negara kaya minyak, seperti Russia, Venezuela dan Brazil; baru-baru ini Amerika Syarikat juga; dan berpotensi berlaku terhadap pelaku ekonomi yang kuat sebelum ini, seperti China dan Jerman.

Mengapa harga pasaran saham terus-menerus meningkat, meskipun hakikat bahawa sesuatu yang disebut pertumbuhan kelihatan tergenang?

Pada pertengahan Julai tahun ini, IMF menerbitkan *World Economic Outlook Update*, mengunjurkan ekonomi global berkembang 3.1 peratus pada tahun ini dan 3.4 peratus pada tahun 2017. IMF mengurangkan ramalan pada tahun ini dan tahun depan (masing-masing -0.1 peratus) kerana undi United Kingdom yang tidak dijangkakan untuk meninggalkan Kesatuan Eropah mewujudkan gelombang ketidakpastian di tengah-tengah perniagaan dan keyakinan pengguna yang telah pun lemah.

Untuk ekonomi maju, seperti Amerika Syarikat, IMF menjangkakan pertumbuhan ialah 2.2 peratus pada tahun 2016 dan 2.5 peratus pada tahun 2017, Jerman (masing-masing 1.6 dan 1.2 peratus), Perancis (masing-masing 1.5 dan 1.2 peratus), Itali (masing-masing 0.9 dan 1.0 peratus), dan Sepanyol (masing-masing 2.6 dan 2.1 peratus), United Kingdom (masing-masing 1.7 dan 1.3 peratus), dan Jepun (masing-masing 0.3 dan 0.1 peratus). Untuk pasaran sedang muncul dan ekonomi membangun, China diramalkan tumbuh 6.6 peratus pada tahun ini dan 6.2 peratus tahun depan, India (masing-masing 7.4 dan 7.4 peratus), Rusia (masing-masing -1.2 dan 1.0 peratus), dan Asean 5 – iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam (masing-masing 4.8 dan 5.1 peratus).

Ketika membentangkan Belanjawan 2017 pada 21 Oktober lalu, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, menjangkakan ekonomi Malaysia tumbuh antara empat peratus hingga 4.5 peratus pada tahun 2016 dan antara empat peratus hingga lima peratus pada tahun 2017. Pastinya jangkaan ini tidak jauh berbeza daripada jangkaan Bank Dunia, bahawa ekonomi negara ini tumbuh pada kadar perlahan pada tahun 2016 berbanding dengan tahun lalu sebelum meningkat semula sedikit pada tahun 2017 dan tahun 2018 kerana harga komoditi pulih dan pertumbuhan ekonomi global bertambah baik.

Economic Monitor Report, Jun 2016 yang dikeluarkan pada akhir bulan itu, menyatakan pertumbuhan Malaysia masih bingkas, meskipun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangkakan perlahan, iaitu kepada 4.4 peratus pada tahun 2016 daripada lima peratus pada tahun 2015. Menurut Bank Dunia lagi, pertumbuhan swasta dijangkakan sederhana kerana kurang sentimen perniagaan yang optimistik dan kerana harga komoditi dan pertumbuhan ekonomi global masih malap. Walau bagaimanapun, menurut Bank Dunia, KDNK Malaysia dijangkakan tumbuh 4.5 peratus (2017 dan 2018) kerana harga komoditi pulih dan pertumbuhan ekonomi global bertambah baik.

Penyatuan fiskal masih pada laluan, meskipun hasil berkaitan dengan minyak rendah, dicapai menerusi pengurangan perbelanjaan mengurus kerajaan dan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) pada April 2015. Menurut laporan itu, perdagangan masih merupakan jentera pertumbuhan untuk Malaysia dalam empat dekad lalu. Malaysia merupakan negara yang paling terbuka di dunia, dengan nisbah perdagangan dengan KDNK ialah 148 peratus (dari tahun 2010 hingga 2014) berbanding dengan 58 peratus untuk negara membangun di Asia Timur dan Pasifik.

Dalam belanjawan kali ini, diperuntukkan RM260.8 bilion, meningkat 3.4 peratus daripada pengubahsuaian Belanjawan 2016, dengan RM214.8 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM46 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan, tidak termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka. Seperti lazimnya, peruntukan bagi emolumen yang tertinggi, iaitu RM77.4 bilion di bawah Perbelanjaan Mengurus, bahkan peruntukan ini jauh lebih tinggi daripada keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan. Kerajaan menyasarkan defisit fiskal tiga peratus berbanding dengan 3.1 peratus pada tahun 2016. Jumlah peruntukan dalam Belanjawan 2017 dirancang untuk memacu ekonomi Malaysia.

Menurut Bank Dunia, KDNK Malaysia dijangkakan tumbuh 4.5 peratus (2017 dan 2018) kerana harga komoditi pulih dan pertumbuhan ekonomi global bertambah baik.

Beberapa hari sebelum pembentangan, ada andaian terutamanya dalam kalangan ahli politik bahawa belanjawan ini ialah belanjawan pilihan raya, kerana dijangkakan pilihan raya yang cukup tempoh pada tahun 2018 diadakan lebih awal, iaitu pada tahun depan. Tersebar juga khabar angin daripada pihak yang gemar mencetuskan kegelisahan rakyat bahawa CBP akan dinaikkan daripada enam peratus kepada lapan peratus, tetapi jelas dakwaan itu tidak benar, kerajaan masih mengekalkannya pada kadar lama.

Bahkan ada yang mendakwa bahawa Belanjawan 2017 tidak perlu dibentangkan kerana Putrajaya tidak mempunyai wang – satu dakwaan yang tidak berasas dan lebih merupakan kebencian peribadi yang membuak-buak. Jika dakwaan itu benar, nescaya jentera kerajaan akan runtuh dan ekonomi negara akan lumpuh sama sekali. Walau bagaimanapun, menurut belanjawan yang dibentangkan itu, berdasarkan prestasi semasa, hasil tahun 2017 dijangkakan berkembang sekitar tiga peratus kepada RM219.7 bilion.

Seorang pengguna Facebook, daripada maklumat yang diterimanya melalui WhatsApp, menyenaraikan "lebih daripada 100 kumpulan masyarakat yang menerima manfaat Belanjawan 2017". Dalam Belanjawan 2017, kerajaan menyalurkan beberapa insentif dan pemberian tunai kepada golongan yang memerlukannya dan pada masa yang sama, menggalakkan penggunaan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dengan peruntukan RM7 bilion untuk 7.4 juta orang penerima, peruntukan subsidi hampir RM10 bilion, merangkumi subsidi bahan api, termasuk gas memasak, pampasan tol, dan pengangkutan awam, subsidi RM1.3 bilion untuk pesawah padi, insentif RM250 untuk pekebun kecil getah yang berdaftar untuk pelaksanaan "harga lantai", di samping bantuan musim tengkujuh RM200 sebulan, penerusan pemberian elaun antara RM200 hingga RM300 sebulan untuk 57 ribu orang nelayan, dan bayaran khas RM500 untuk penjawat awam dan RM250 untuk pesara.

Malaysia merupakan negara yang paling terbuka di dunia, dengan nisbah perdagangan dengan KDNK ialah 148 peratus (dari tahun 2010 hingga 2014).

Sebagaimana belanjawan sebelum ini, dalam Belanjawan 2017, kerajaan memberikan tumpuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang menyumbang 36 peratus KDNK pada tahun lepas, 65 peratus daripada semua pekerjaan dan 18 peratus eksport negara. Dalam Belanjawan 2017, bagi semua PKS, kadar cukai bagi pendapatan bercukai sehingga RM500 ribu pertama akan dikurangkan daripada 19 peratus kepada 18 peratus, bermula tahun taksiran 2017.

Selain itu, pelaksanaan projek dan program *Rakyat Centric* di bandar dan luar bandar, antaranya pembinaan lampu jalan di kampung, membina dan menaik taraf jalan kampung dan jambatan dengan peruntukan RM1.2 bilion, peruntukan RM4.6 bilion untuk menyelenggarakan jalan negeri, membina dan membaik pulih rumah usang dan daif di kampung terpencil dan penempatan Orang Asli dengan peruntukan RM350 juta, dan penyediaan bekalan elektrik luar bandar dengan peruntukan RM460 juta.

Dalam Belanjawan 2017 juga, kerajaan melaksanakan Projek Mesra Rakyat dengan peruntukan RM800 juta, antaranya menaik taraf dan membina surau, titi, parti, balai raya, dan gerai perniagaan kecil. Sebanyak 69 projek Tebatan Banjir di seluruh negara dengan peruntukan RM495 juta. Semua projek tersebut dijangkakan turut memacu pertumbuhan ekonomi, terutamanya untuk sektor pembinaan. Demikian juga pengangkutan awam, seperti pelaksanaan projek rel baharu *East Coast Rail Line*, yang menghubungkan Lembah Klang ke Pantai Timur, dengan peruntukan RM55 bilion.

Menurut *Laporan Ekonomi 2016/2017*, pada tahun depan, semua sektor ekonomi dijangkakan tumbuh perlahan, dengan sektor perkhidmatan sebanyak 5.7 peratus, sektor pembuatan dijangkakan tumbuh sebanyak 4.1 peratus, sektor pertanian dijangkakan tumbuh 1.5 peratus pada tahun 2017 daripada kejatuhan sebanyak 3.6 peratus pada tahun 2016, sektor perlombongan dijangkakan tumbuh sebanyak 1.4 peratus pada tahun 2017, dan sektor pembinaan dijangkakan tumbuh sebanyak 8.3 peratus pada tahun 2017.

Pada tahun 2017, penggunaan swasta dijangkakan meningkat sebanyak 6.3 peratus dan bahagian KDNK-nya dijangkakan meningkat kepada 54.2 peratus daripada 53.3 peratus pada tahun 2016. Sementara pelaburan awam yang dijangkakan menyumbang 8.4 peratus KDNK dan dijangkakan meningkat sebanyak 1.1 peratus, manakala penggunaan awam akan meningkat sebanyak 0.4 peratus.

Dalam pembentangan Belanjawan 2017 itu, Dato' Sri Mohd. Najib mengambil kesempatan untuk membetulkan salah tanggapan bahawa Malaysia akan terjerumus ke dalam kancah negara yang gagal. Beliau memberikan takrif tentang negara yang gagal. Secara kebetulan, sehari selepas pembentangan belanjawan itu, *U.S. News dan World Report* menyenaraikan 60 buah negara terbaik di dunia, dengan Jerman yang teratas, diikuti oleh Kanada dan United Kingdom, manakala Malaysia yang turut tersenarai menduduki tanggap ke-28.

Dengan kadar pertumbuhan antara empat peratus hingga lima peratus pada tahun 2017 dan kadar pengangguran 3.5 peratus pada Jun 2016, Malaysia dapat mengelak daripada terjebak dalam genangan sekular. ●

Oleh G. Manimaran

Belanjawan 2017
"Belanjawan PRU" - Apa Salahnya?

MENJELANG pembentangan Belanjawan 2017, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak menyangkal tanggapan banyak pihak bahawa belanjawan tahun 2017 ialah satu peruntukan yang bertujuan untuk meraih agenda politik bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Banyak pihak yang melihat Belanjawan 2017 akan menjadi "belanjawan pilihan raya" di balik spekulasi bahawa PRU-14 akan diadakan pada awal tahun 2017, sedangkan mandat semasa sebenarnya hanya akan berakhir pada pertengahan tahun 2018.

Sebaliknya Perdana Menteri menegaskan, Belanjawan 2017 yang dibentangkan pada 21 Oktober lalu, merupakan "belanjawan komitmen" kerajaan untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi, sekali gus menjanakan manfaat untuk pelbagai pihak. "Kerajaan komited untuk memastikan asas ekonomi negara terus kukuh dan berdaya saing, termasuk merangka dasar untuk mengurangkan defisit, melonjakkan aktiviti ekonomi dan memastikan keupayaan sistem kewangan," kata beliau dalam kenyataan yang dikeluarkan sehari sebelum membentangkan Belanjawan 2017 di Parlimen.

Jelas Dato' Sri Mohd. Najib, kerajaan pimpinannya juga terus komited untuk mengurus perbelanjaan secara berhemat dan kreatif demi menjamin kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Beliau menarik perhatian bahawa belanjawan yang komprehensif ini akan memastikan setiap janji kerajaan persekutuan kepada rakyat sentiasa dipenuhi. Beliau yang juga Menteri Kewangan menyuarakan komitmen kerajaan dan akan terus mengotakan janji yang dibuat secara adil dan menyeluruh.

Tidak dapat dinafikan, Dato' Sri Mohd. Najib memulakan ucapan awal belanjawan pada kali ini, yang merupakan yang ketujuh sejak menyandang jawatan Perdana Menteri, dengan ungkapan yang menjurus politik. Dalam dunia pengurusan dan pentadbiran kerajaan, kedua-dua aspek ekonomi dan politik tidak boleh dipisahkan.

Foto MalaysiaGazette

Berbanding dengan ucapan belanjawan sebelum ini, pendekatan pada kali ini merupakan suatu kelainan, meskipun beliau tidak mahu Belanjawan 2017 yang bertemakan "Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemahkan Perbelanjaan Inklusif, Menyejahterakan Kehidupan Rakyat Seluruh" dilabelkan sebagai belanjawan pilihan raya. Namun begitu, ucapan beliau seperti lazimnya, berakhir dengan penekanan terhadap soal politik dan agenda perjuangan Barisan Nasional.

Jelas Dato' Sri Mohd. Najib, kerajaan pimpinannya juga terus komited untuk mengurus perbelanjaan secara berhemat dan kreatif demi menjamin kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

"Akhir kalam, Kerajaan Barisan Nasional dengan izin Allah jua, yakin dan percaya bahawa, angin kemenangan besar Pilihan

Foto: lifestyledocumentary.com

Raya Negeri Sarawak, yang telah berpuput-puput bayunya ke Pilihan Raya Kecil di Sungai Besar dan Kuala Kangsar, akan mula meniup obor perjuangan yang kami yakin dan percaya, hari demi hari, Insya-Allah, ... dengan kehendak Yang Maha Berkuasa, akan membawa pula kemenangan besar di Pilihan Raya Umum Ke-14 kepada Kerajaan Barisan Nasional, Insya-Allah," kata Dato' Sri Mohd. Najib lagi. Beliau kelihatan lebih berani dan tegas dengan mengetengahkan nada politik.

"Sesungguhnya jua, kita berada dalam landasan yang betul kerana berani membuat keputusan-keputusan yang tepat, sekalipun ia tidak popular."

Empat tahun lalu, ketika membentangkan ucapan Belanjawan 2013, belanjawan yang terakhir sebelum PRU-13, beliau tidak bermula dengan nada politik, tetapi berakhir dengan mesej politik. PRU-13 adalah yang pertama bagi Najib selaku Perdana Menteri, Pengerusi BN dan Presiden UMNO.

Ketika membentangkannya lapan bulan sebelum PRU-13, kata beliau, "Belanjawan yang baru saya bentangkan untuk tahun 2013 ini ialah belanjawan terakhir sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13."

"Kita tahu ada pihak yang menyeru supaya mereka diberi peluang untuk membentuk kerajaan.

Setiap belanjawan harus dilihat sebagai belanjawan pilihan raya. Pilihan raya diadakan untuk rakyat memilih kerajaan.

Secara berlapang dada, dalam sebuah negara yang demokratik, kita faham tidak salah menawarkan diri kerana mereka juga ada hak, namun pada akhirnya, rakyatlah yang akan menentukan siapa yang akan mendapat mandat melalui peti undi."

Malah kata Najib, "Maka saya menyeru rakyat Malaysia supaya menghakimi Kerajaan BN dengan amal perbuatan bukannya retorik."

Dalam kebanyakan waktu, ada pihak yang melabelkan dan membuat perbandingan berkenaan dengan belanjawan kerajaan persekutuan. Senario ini tidak dapat dielakkan. Sebaik-baik sahaja negara melangkah ke tahun keempat mandat, banyak yang akan terus mengaitkan kandungan belanjawan kerajaan sebagai "pemancing sokongan atau undi". Perkara ini sudah menjadi suatu situasi normal dalam arena politik. Perbandingan yang khusus terhadap tindakan kerajaan persekutuan telah disaksikan saban tahun sehingga wujudnya perubahan landskap politik semasa PRU-12 pada tahun 2008. Semasa PRU-12, lima buah negeri dikuasai pembangkang.

Maka sejak itu, para pengundi, khususnya rakyat di negeri yang dikuasai pembangkang juga mempunyai peluang yang saksama untuk membuat perbandingan terhadap belanjawan yang dibentangkan oleh kerajaan negeri masing-masing. Dua buah negeri yang kini menjadi ukuran perbandingan ialah Selangor dan Pulau Pinang.

Adakah kerajaan negeri terbabit tidak mengetengahkan belanjawan pilihan raya? Dalam senario ini, mana-mana kerajaan semasa yang ada kuasa, sama ada kerajaan persekutuan ataupun negeri, mereka akan menggunakan kelebihan yang ada untuk menyenaraikan "buah tangan pilihan raya" bagi menawan sokongan pengundi dan penyokong masing-masing.

Di negara berdemokrasi, amalan seperti ini tidak dapat dinafikan dan diketepikan begitu sahaja. Sepatutnya corak belanjawan yang sedemikian sewajarnya dialu-alukan. Setiap belanjawan harus dilihat sebagai belanjawan pilihan raya. Pilihan raya diadakan untuk rakyat memilih kerajaan. Menjadi tanggungjawab kerajaan menjaga kebajikan rakyat. Oleh itu, setiap belanjawan ialah belanjawan pilihan raya untuk terus kekal berkuasa dan menjaga kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Hal ini merupakan salah satu aspek yang mewarnai persekitaran berdemokrasi. ●

Jadual Perbandingan antara Belanjawan 2017 dengan Belanjawan 2013.

BELANJAWAN 2017

Jumlah peruntukan RM260.8 bilion
Hasil dianggarkan: RM219.7 bilion

TEMA: Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Menyejahterakan Kehidupan Rakyat Seluruh.

INSENTIF

1. Kemudahan Cuti Belajar dengan gaji dibayar penuh bersama biasiswa bagi Kumpulan Pelaksana sektor awam.
2. Pemberian Cuti Kuarantin kepada penjawat awam yang anaknya sakit dan perlu dikuarantin menerusi cuti tanpa rekod sebanyak lima hari.
3. Kemudahan pembiayaan beli telefon mudah alih pintar bagi penjawat awam.
4. Had pinjaman pembelian motosikal oleh penjawat awam dinaikkan daripada RM5000 kepada RM10 ribu.
5. Kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam dinaikkan.
6. Pegawai *contract of service* dan *contract for service* sektor awam yang tamat pada penghujung tahun ini dilanjutkan minimum setahun lagi.
7. Sejumlah insentif kepada golongan B40.
8. Kadar BR1M dinaikkan.
9. Geran RM5000 untuk membeli kenderaan baharu dan menawarkan permit teksi individu, dijangkakan bakal memanfaatkan 12 ribu pemandu teksi.
13. Skim PERKESO kepada pemandu teksi individu yang berpendapatan sehingga RM3000 sebulan.
14. Pemberian Bantuan Persekolahan RM100, bakal memanfaatkan 3.5 juta murid.
15. Insentif bagi menggalakkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik.

BELANJAWAN 2013

Peruntukan RM251.6 bilion
Kutipan hasil dianggarkan RM208.6 bilion

TEMA: Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati

INSENTIF

1. Memperkukuh pendidikan awal kanak-kanak.
2. Kemudahan latihan dan kemahiran.
3. Mempergiat pelaburan modal teroka oleh pelabur individu.
4. Penambahbaikan skim perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.
5. Pembangunan luar bandar dan masyarakat Orang Asli.
6. Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
7. Rebat RM200 diberi secara *oneoff* bagi pembelian telefon mudah alih pintar 3G.
8. Mengiktiraf karyawan dan seniman.
9. Memperluas jaringan pengangkutan awam bandar.
10. Perumahan untuk rakyat, skim Rumah Pertamaku ditambah baik.
11. Pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2.0.
12. Penyeragaman harga barangan keperluan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.
13. Mempermudah ibadah haji.
14. Kajian semula cukai pendapatan individu dan koperasi.
15. Meringankan beban pengusaha bas sekolah.
16. Mengurangkan kos pembelajaran pelajar.
17. Diskaun bagi peminjam PTPTN menjelaskan